

HUBUNGI SEKILAU KUALA LANGAT, SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI • 019-6680920/ 019-3371066

SWARAKHUMI KUALA LANGAT . SEPANG

Ban pecah akan dibaiki segera

Kerja baik pulih melibatkan peruntukan RM200,000 daripada kerajaan negeri

SIJANGKANG - Sebanyak RM200,000 diperuntukkan kerajaan negeri bagi membaiki ban pecah di Kampung Sijangkang.

Ban sepanjang satu kilometer itu akan dibaiki semula susulan aduan penduduk sekitar.

Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran sudah membuat rujukan dan mesyuarat juga telah memfokuskan beberapa kawasan pantai di Selangor untuk diambil tindakan.

Menurutnya, tidak dinafikan beberapa kawasan lain termasuk di Kampung Melayu Pulau Carey turut berdepan masalah sama.

"Kita kena ada tindakan segera sebab dijangka bulan depan akan ada lagi air pa-

sang besar.

"Jadi tindakan awal perlu dilaksanakan kerana benteng yang rosak itu menyebabkan air melepasi ban dan runtuh," katanya kepada *Sinar Harian* mengulas mengenai aduan ban rosak di Sijangkang.

Ahmad Yunus berkata, selepas ini pihaknya memfokuskan pada ban yang terdedah kepada sungai untuk dipantau.

Katanya, sebelum air pasang besar berlaku, pihaknya telah berbincang dengan Jabatan Perhutanan untuk menanam 100 pokok bakau di sepanjang ban berkenaan.

"Bagaimanapun di Pantai Kelanang pula, kerajaan negeri dalam proses merangka projek pemecah ombak dari Morib ke Kelanang," katanya.

Sebelum ini, Unit Peladang



AHMAD YUNUS

Sijangkang yang diketuai Abdul Razak Khasbullah mengesyorkan supaya kerja baik pulih dibuat bagi membaiki semua ban yang rosak di Sijangkang.

Beliau berharap, masalah itu dapat diselesaikan dalam masa terdekat kerana ia melibatkan soal keselamatan masyarakat.



Ban sepanjang satu kilometer yang akan dibaiki dalam masa terdekat.

Sasar himpun 20,000 pengunjung

JUGRA - Beberapa aktiviti sempena Hari Sukan Negara disaran dianjurkan di peringkat kampung secara serentak sebelum 8 Oktober sebelum dikumpulkan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) pada tarikh tersebut.

Pengerusi Pembangunan Luar Bandar Daerah Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, sasaran itu diharap diambil kira supaya lebih ramai peserta dapat dikumpulkan dalam acara perasmian nanti.

Menurutnya, sudah tiba masanya Hari Sukan Negara di Kuala Langat dianjurkan dengan lebih ramai penyerta berbanding tahun lalu apabila lebih 10,000 hadir menayakan program.

"Kita nak sahut seruan perdana menteri yang mengisytiharkan Sabtu minggu kedua pada Oktober setiap tahun adalah Hari Sukan Negara," katanya sempena Pra Pelancaran Hari Sukan Negara di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Jugra, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Majlis Belia Daerah Kuala Langat, Hafez Shuriddin.

Kata Sulaiman, ia merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan dalam menjadikan Malaysia sebuah negara bersukan.

"Kita jangka bagi Hari Sukan Negara Daerah Kuala Langat, terdapat lebih 70 aktiviti bakal dijalankan termasuk futsal, badminton,

tarik tali, Hotwheels, ekspo barang permainan, klinik skate dan roller blade, senamrobik, Mr Gagah Perkasa, bar workout, Colours Fun Run, gusti lengan, perkhemahan pengakap dan sebagainya," katanya yang menjangkakan 20,000 pengunjung akan hadir pada hari berkenaan.

Selain itu, Sulaiman yakin usaha itu dapat membentuk sebuah hubungan perpaduan yang lebih jujur dan bukannya bersifat bermuka-muka.

Dalam pada itu, beliau turut berharap lebih banyak agensi di Kuala Langat memberi kerjasama dalam penganjuran Hari Sukan Negara berkenaan.



KLiK **BANTUAN** Seramai tujuh keluarga dari Kampung Orang Asli Sungai Rambai di Pulau Carey yang dilanda banjir baru-baru ini, menerima sumbangan dari kerajaan negeri disampaikan sendiri Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi di Balai Raya Pulau Carey.



Sulaiman menunjukkan isyarat bagus bersama Siti Zubaidah Mohamad dan Mohd Shafiq sempena Pra Pelancaran Hari Sukan Negara di IKBN Jugra, baru-baru ini.

Gilap jiwa pemimpin muda

JUGRA - Simposium Tunas Belia dan Penubuhan Kelab Belia Mahasiswa MAYC Kuala Langat yang diadakan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) memberikan kefahaman kepada belia untuk mengetahui bagaimana berorganisasi dan menjadi pemimpin.

Program dirasmikan Pegawai Belia dan Sukan Daerah Kuala Langat, Mohd Shafiq Mohd Khan itu bertujuan mewujudkan sebuah ekosistem kepimpinan yang baharu bagi menyahut saranan Menteri Belia dan Sukan mengilap pemimpin muda bawah umur 30 tahun.

Pihaknya juga berhasrat menubuhkan sebuah kelab yang boleh mendekati belia muda ini bagi menjalankan aktiviti yang bermanfaat.